

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
am@hmetro.com.my

Pangkor

## Nasib baik bomba ada!

### Tiga wanita cuba selamat remaja OKU hampir lemas dihanyut

Tindakan pantas bomba berjaya membantu menyelamatkan tiga wanita dan seorang remaja lelaki orang kurang upaya (OKU) yang hampir lemas di Pantai Pasir Bogak, semalam.

Dalam kejadian jam 9.30 pagi, empat sekeluarga termasuk ibu dan anak berusia antara 13 dan 46 tahun itu diselamatkan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pulau Pangkor.

Difahamkan, kejadian berlaku apabila remaja lelaki OKU kategori masalah pembelajaran itu hampir lemas ketika mandi di tepi pantai

selepas dipercayai ditarik arus ke bahagian dalam.

Tiga wanita termasuk ibunya menyedari kejadian itu kemudian cuba membantu sebelum turut hampir lemas.

Ketua Operasi BBP Pulau Pangkor, Ab Halim Hamed Hamzah berkata, kejadian itu disedari tujuh anggota yang membuat ujian per-

jalanán di sekitar Pangkor.

Menurutnya, mereka ternampak empat mangsa berkenaan terkapai-kapai di pantai dan terus memberikan bantuan lanjut.

"Bomba yang menyedari kejadian itu terus menyelamatkan mangsa dan membawa mereka ke pesiran pantai.

"Semua mangsa selamat dan kemudian diserahkan kepada pihak perubatan untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi, semalam.

Empat mangsa berkenaan dari Sungai Buloh, Selangor dan mereka datang bersama ahli keluarga lain untuk ber-cuti di pulau berkenaan.

"Operasi kemudian ditamatkan pada jam 9.43 pagi," katanya.

RINGKAS

### Remaja parah diserang empat lelaki

**Nibong Tebal:** Seorang remaja patah tangan kanan dan parah di badan dan kepala selepas diserang dengan parang oleh sekumpulan lelaki di depan rumah di Taman Bukit Panchor, kelmarin.

Dalam kejadian jam 4 pagi, mangsa berusia 19 tahun berkenaan baru menghantar rakannya di Taman Bukit Panchor dengan menunggang motosikal.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan, Superintendan Shafee Abdul Samad berkata, dia kemudian menunggang motosikal bersendirian pulang ke rumahnya di Taman Nibong Tebal Jaya sebelum dikejar dua motosikal.

"Empat lelaki menaiki dua motosikal mengejarnya dan dia mengenali salah seorang daripada mereka.

"Suspek mengejar mangsa sehingga ke belakang deretan rumah kedai di Taman Bukit Panchor sebelum remaja berkenaan terjatuh daripada motosikal," katanya.

Menurutnya, mangsa bersembunyi di celahan kereta di kawasan perumahan terbabit sebelum empat lelaki berkenaan menemui mangsa, kemudian menyerang dan menetaknya.



ANGGOTA bomba membantu menyelamatkan empat mangsa termasuk ibu dan anak lelaki orang kurang upaya yang hampir lemas di Pantai Pasir Bogak, Pulau Pangkor.